



Ramai tak peduli gelombang kedua H1N1

Berita Harian 08/05/2010 M/S 27

Langkah pencegahan penawar paling mujarab elak penularan jangkitan virus Influenza A

MINGGU lalu, saya beberapa kali ke Hospital Selangor, melawat nak bongsu yang menjalani pembedahan kecil. Hampir seminggu dia dia di wad. Alhamdulillah dia eransur pulih. Katanya, bosan duk di hospital. Jururawat, komennya tidak semesra dan segera memerlukan bantuan apabila diperlukan seperti jururawat di wad dermatologi Hospital Kuala Lumpur. Saya menjawab, adik (panggilan manja anak saya) baru sekali tinggal di wad, ayah setiap bulan. Jadi, mana hendak disamakan antara mereka yang saya kenali sejak tiga tahun lalu.

Moral ceritanya, jika warga wad nesra dan cekap melayan pesakit, mungkin mereka tidak bosan dan seronok tinggal di hospital. Pada saya, rungutan anak lelaki berusia 3 tahun itu lahir daripada naluri orang sakit – yang biasanya memerlukan perhatian yang lebih daripada biasa. Dia ikhlas menyatakan rasa hati tanpa niat memburuk-burukkan mana-mana pihak. Begitu pun, saya perlu berterima kasih kepada semua pihak, termasuk doktor dan jururawat yang merawat anak saya.

Dalam bosan berada di wad, anak saya gembira kerana mendapat kawan baru – seorang budak lelaki India berusia 14 tahun yang dima-

sukkan ke wad selepas tertelan jaram peniti. Mereka memang tidak pernah bertemu, tetapi mampu menjalin persahabatan dalam tempoh beberapa hari saja. Kami juga dapat berkenalan dengan keluarganya. Selain itu, dia mendapat dua 'datuk' baru yang suka mengusiknya.

Anak saya turut seronok apabila menerima tetamu, lebih-lebih lagi dengan kehadiran saya, walaupun sekejap. Dengan keadaan kesihatan yang tidak begitu baik, saya berusaha menjauhi tempat seperti klinik dan hospital. Bukan apa, tidak mahu terdedah dengan kuman dan penyakit seperti Influenza A (H1N1).

Justeru, ketika ke hospital, saya mengambil langkah pencegahan dengan memakai penutup hidung dan mulut. Saya juga membersihkan kerusi roda yang dipinjam dari hospital dengan tisu basah antiseptik sebelum menggunakannya. Ada suatu hari, saya terlupa membawa tisu itu. Akibatnya punggung dan badan saya gatal selepas menggunakan kerusi roda.

Tetapi, saya hairan kerana saya seorang saja memakai penutup hidung dan mulut, sedangkan pada masa itu, ada laporan mengenai penularan semula kes selesema bayi. Beberapa orang turut dilaporkan maut akibat virus H1N1. Me-

nurut laporan Kementerian Kesihatan sebanyak 57 kes baru H1N1 dikesan di seluruh negara sehingga Khamis lalu. Ini menjadikan jumlah kes terkumpul 13,889 kes, sejak kes pertama dilaporkan pada 15 Mei 2009. Bilangan kematian disebabkan H1N1 pula 82 orang sejak korban pertama, seorang pelajar ber-

“ Saya lihat bukan saja orang ramai, malah ada doktor dan jururawat kurang mengambil langkah pencegahan. Mungkin mereka sudah menerima suntikan vaksin H1N1. Di tempat awam lain seperti pusat beli-belah, memang sukar hendak bertemu dengan orang bertopeng hidung dan mulut”

usia 30 tahun dilaporkan maut pada 23 Julai tahun lalu.

Pada peringkat antarabangsa, penularan jangkitan H1N1 masih aktif khususnya di Asia Tenggara, Afrika Barat dan Afrika Timur serta negara beriklim sederhana di Hemisfera Utara seperti di Eropah Timur dan Selatan, Asia Selatan dan Timur. Sehingga 21 Mac 2010, jumlah kematian akibat jangkitan H1N1 di seluruh dunia adalah 16,931 kes, iaitu meningkat sebanyak 118 kes atau 0.7 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Malangnya, dengan perkembangan ini, orang ramai walaupun sudah diberi amaran mengenai kemungkinan gelombang kedua selesema bayi, tidak peduli dan mengambil mudah virus maut berkenaan.

Itu keadaan di hospital, tempat yang berisiko orang ramai boleh dijangkiti virus H1N1. Saya lihat bukan saja orang ramai, malah ada doktor dan jururawat kurang mengambil langkah pencegahan. Mungkin mereka sudah menerima suntikan vaksin H1N1. Di tempat awam lain seperti pusat beli-belah, memang sukar hendak bertemu dengan orang bertopeng hidung dan mulut. Mungkin mereka juga sudah divaksin dan berasa kebal dengan serangan virus H1N1.

Tetapi, kita perlu ingat vaksin

yang ada tidak mencukupi untuk seluruh rakyat Malaysia. Jadi, penawar paling mujarab adalah orang ramai terus mengambil langkah pencegahan.

Kali ini, orang ramai, khususnya ahli politik jangan lagi menuding jari kepada kerajaan seperti dawaan mereka ketika penyakit ini menular tahun lalu, jika kes H1N1 terus meningkat. Kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan terus menerus berkempen untuk memberitahu orang ramai mengenai perkara ini.

Banyak poster dan risalah mengenai penularan virus H1N1 diedarkan. Iklan mengenainya terus ditayang di televisyen dan kedengaran di radio. Kementerian Kesihatan berulang kali mengingatkan orang ramai bahawa penularan jangkitan H1N1 terus aktif dalam komuniti dan mereka diminta terus berwaspada serta mengamalkan langkah pencegahan terhadap penyakit itu.

Orang ramai boleh mendapat maklumat terkini mengenai virus H1N1 dengan melayari <http://h1n1.moh.gov.my>. Saya juga tertarik dengan laman Dr Azwan (<http://drazwan.blogspot.com>) yang mempunyai banyak maklumat kesihatan, termasuk artikel berguna mengenai H1N1.